

HARAPAN BERSINAR WALAUPUN KEHILANGAN PEKERJAAN

KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| Ketika Dunia Anda Runtuh | 2 |
| Adakah Bantuan Tersedia? | 3 |
| Apakah Respons Anda? . . . | 12 |
| Jadi, Apakah Yang Kita Boleh Harapkan? | 32 |
| Harapan Dalam Kegelapan | 36 |

Buku Asli: *Now What?—The Healing Journey Through Job Loss*
Reka Bentuk Kulit: iStockphoto
Petikan Alkitab daripada Alkitab Berita Baik, © 1996 Bible Society of Malaysia.
Hak Cipta Terpelihara.
© 2020 ODB Ministries,
Grand Rapids, Michigan.
Dicetak di Malaysia.

Ramai orang mendapati bahawa pada saat-saat sukar kehidupan kita, kawan-kawan yang terpenting bagi kita ialah mereka yang telah mengharungi situasi yang sama dengan kita.

Inilah sebabnya kami ingin berkongsi cerita tentang seorang kawan yang telah mengalami kesusahan ketika kehilangan pekerjaan, bukan sahaja melalui perspektif daripada seorang penasihat dalam bidang pengurusan dan kaunselor, malahan juga pergelutan ketika struktur operasi di syarikatnya mengalami penyusunan semula.

Seterusnya, kawan dan rakan sekerja saya, Chuck Fridsma akan berkongsi pengalamannya di tempat kerja, kehilangan pekerjaan dan iman. Kami berharap agar buku ini akan menjadi bantuan bagi anda atau orang yang terdekat dengan anda.

Martin De Haan

KETIKA DUNIA ANDA RUNTUH

Statistik pengangguran sungguh mengejutkan. Ketidakstabilan ekonomi secara global ini tidak seperti yang biasa berlaku berdekad-dekad tahun kebelakangan ini. Statistik yang membimbangkan bukannya angka yang turun naik dalam pasaran saham, bukannya kerajaan menghabiskan berbilion-bilion ringgit untuk menyelamatkan pasaran, ataupun bukan beberapa korporat jatuh bankrap—walaupun semua bidang ini adalah berkaitan. Statistik yang mengejutkan adalah jumlah orang yang kehilangan pekerjaan. Menurut laporan daripada saluran berita, Astro Awani pada bulan Mei 2020, dianggarkan 610,500 orang kehilangan pekerjaan kerana wabak koronavirus. Ramai orang perlu mendengar pegawai atasan mereka

berkata, “Minta maaf, kami tidak dapat mengupah anda lagi.”

Namun statistik itu sahaja tidak memberitahu kita tentang gambaran keseluruhan. Yang mengejutkan adalah rasa kehilangan yang harus dialami. Tidak kira pengangguran disebabkan oleh operasi syarikat anda harus dikecilkan, kerja anda diberhentikan, anda hanya pekerja sementara, atau anda dipecat, masalah utamanya adalah kesakitan yang disusuli oleh perasaan ketakutan, kemarahan, kebingungan dan ketidakpastian. Semua ini melebihi apa yang kita boleh tanggung.

Oleh sebab iklim ekonomi yang tidak pasti pada hari ini, hal-hal yang dahulunya penting kini tidak lagi menjadi penting. Anda mungkin orang yang bekerja dengan efektif, ada rekod yang baik ketika melakukan tugas, atau

Oleh sebab iklim ekonomi yang tidak pasti pada hari ini, hal-hal yang dahulunya penting kini tidak lagi menjadi penting.

berkemahiran, namun semua ini tidak lagi boleh menjamin kita akan kekal memegang pekerjaan itu pada masa depan. Simpanan yang kita sediakan dengan sungguh-sungguh bagi masa persaraan telah pun dikurangkan akibat keruntuhan pasaran. Kita mungkin akan bertanya kepada diri sendiri, “Apakah yang harus saya lakukan sekarang?”

ADAKAH BANTUAN TERSEDIA?

Di manakah bantuan kita apabila dunia kita runtuh? Oleh sebab krisis kehilangan pekerjaan semakin merebak, kini para pakar yang terlatih dan banyak sumber telah tersedia untuk menghapuskan kebingungan orang ramai dan memberi kita arah tuju untuk mengambil langkah-langkah yang berkesan.

Pengangguran, terutamanya yang tidak disangka, adalah pengalaman yang tertekan dan sukar. Oleh sebab begitu banyak aspek kehidupan kita berkaitan dengan pekerjaan kita, jadi apabila kita dibuang kerja, hidup kita bukan sahaja terjejas dari segi kewangan, malahan juga dari segi sosial, emosi, fizikal, mahupun kerohanian.

Selama beberapa tahun, sebahagian kerja saya

adalah membantu orang yang kehilangan pekerjaan dengan memprihatinkan dan memberikan kaunseling pada masa kesukaran mereka.

HULUR TANGAN

Saya pernah bekerja di sebuah organisasi kesihatan mental Kristian yang besar. Sebagai pekerja kontrak, fokus kami adalah memberi nasihat kepada organisasi-organisasi yang harus memberhentikan pekerja-pekerja mereka, serta membantu pekerja yang terkesan.

Sebahagian peranan saya adalah memberi kaunseling kepada individu yang baru kehilangan pekerjaan. Saya sering berjumpa dengan mereka hanya untuk beberapa minit selepas mereka diberikan notis pemberhentian. Saya akan berjumpa satu orang pada satu masa, dan membantu mereka membuat rancangan untuk langkah seterusnya.

Semua orang mempunyai reaksi yang berbeza ketika menangani berita yang mengejutkan ini, jadi adalah penting untuk mendengar mereka dan cuba memahami apa yang difikirkan oleh setiap orang. Kami akan berbincang tentang apa yang telah berlaku dari segi emosi, dan saya sering meyakinkan mereka bahawa itu proses yang normal untuk mengalami pelbagai perasaan. Kami akan membincangkan cara untuk memberitahu ahli keluarga, suami atau isteri mereka tentang berita ini apabila pulang rumah. Kemudian saya akan berkongsi apa yang mungkin akan berlaku selepas beberapa hari, minggu dan bulan, sementara mereka menantikan program peralihan kerjaya yang kami sediakan—program yang membantu mereka membuat persediaan untuk mencari pekerjaan baru. Saya harus menegaskan bahawa sekiranya mereka

telah beralih kepada peringkat mencari pekerjaan, maka mereka tidak patut membuat apa-apa yang akan merosakkan hubungan—terutama dengan bekas majikan mereka.

Setiap tahun, beberapa ratus orang di syarikat kami harus melalui program peralihan pekerjaan. Kami sering berjumpa selama beberapa minggu atau bulan. Bagi setiap jenis profesion yang menghulurkan bantuan, ada saat-saat jatuh bangun dalam peranan ini.

Sukacita ketika memberi kaunseling.

Salah satu perkara yang amat memuaskan dalam peranan saya adalah saya boleh membantu orang yang berada dalam krisis—orang yang “berdarah” secara emosi. Saya berpeluang untuk mengenal pasti kesakitan mereka, memberikan bantuan dan penerangan, dan sering kali menyaksikan mereka membuat kemajuan,

dipulihkan, mahupun mendapatkan jawatan yang lebih baik.

Saya sering ditanyakan, “Bagaimanakah anda dapat bertahan dalam pekerjaan ini?” atau “Bukankah ini pekerjaan yang penuh kekecewaan?” Kepuasan lahir dari hati saya apabila saya melihat orang bangkit semula daripada titik terendah dalam hidup mereka. Ini cukup memuaskan hati dan mendorong saya meneruskan peranan ini.

Dukacita ketika memberi kaunseling.

Pada masa awal profesion saya sebagai penasihat, saya belajar bahawa saya tidak patut menanggung cabaran yang dihadapi oleh orang yang saya bantu. Saya telah mendengar banyak cerita yang tragik dan menyedihkan, tetapi tugas saya adalah mengekalkan sikap objektif dan berbelas kasihan, supaya saya boleh memberikan respons yang

wajar. Jika saya melibatkan diri secara emosi, saya tidak akan mampu memberi nasihat yang tidak merangkumi pendapat sendiri.

Namun, saya berasa amat susah untuk tidak melibatkan diri secara emosi. Kadangkala pada penghujung hari, saya tahu ada orang sedang mengalami kesakitan dan luka yang dahsyat. Sewaktu malam, saya akan mengadakan masa renungan dan berdoa agar mereka boleh memiliki kesejahteraan walaupun berada dalam krisis.

Orang akan berkongsi situasi-situasi keluarga dan kisah-kisah tragedi mereka, malah kesakitan hati mereka bertambah ketika kehilangan pekerjaan. Mereka berasa seolah-olah deruan ombak memukul mereka. Kini mereka hampir mati lemas, dan inilah cabaran saya untuk membangkitkan semula harapan dalam hidup mereka.

Permulaan kaunseling. Setiap orang

mempunyai respons yang berbeza ketika menerima berita pemberhentian kerja. Kadangkala ada orang akan tersenyum dan berkata, “Aku berasa sangat lega.” Apabila saya menanyakan sebabnya, mereka akan berkata, “Aku tidak suka akan kerja dan tempat ini. Aku boleh memulakan hidup baru dan berpeluang untuk bergerak maju. Aku berasa sungguh gembira dan lega. Inilah berita yang aku perlukan.”

Bagaimanapun, reaksi yang lebih biasa dilihat adalah terkejut, marah, berasa dikhianati dan rasa geram. Biasanya orang menganggap sebab utama mereka dibuang kerja kerana majikan sedang mencari pasal dengan mereka dan mereka telah diperlakukan dengan tidak adil.

Sebahagian alasan orang terluka secara emosi adalah harga diri mereka diikat dengan pekerjaan (terutamanya kaum

*Orang menganggap
sebab utama mereka
dibuang kerja kerana
majikan sedang
mencari pasal
dengan mereka
dan mereka telah
diperlakukan dengan
tidak adil.*

lelaki). Pekerjaan menjadi identiti mereka—cara mereka menganggap dan menggambarkan diri, namun kini identiti ini sudah hilang.

Ada orang pun pernah mengutuk dan menjerit pada saya kerana mereka melepaskan kemarahan mereka terhadap bos atau syarikat mereka kepada saya. Setelah menyedari hal ini, saya akan mendengarkan mereka tanpa membalas mereka, kemudian cuba membantu mereka

memahami apa yang telah berlaku. Ini amat penting kerana kemarahan hanya menghindari seseorang bergerak maju. Mereka perlu tahu bahawa mereka tidak patut berkelakuan tidak sopan atau memberikan gambaran yang tidak baik kepada sesiapa pun, memandangkan mereka kini sedang mencari pekerjaan baru. Mereka harus menunjukkan perangai yang terbaik walaupun menganggur.

Kebanyakan senario ini akan ditonjolkan beberapa minit selepas mereka dimaklumkan. Oleh sebab mereka terluka dari segi emosi, mahupun masih tidak dapat menerima hakikat ini, mereka mungkin tidak dapat mendengar atau memproses apa yang telah saya sampaikan. Maka perbualan kami akan berfokus pada tindakan-tindakan yang harus diambil 24 jam seterusnya, kerana kami akan berjumpa

tidak lama lagi. Mereka memerlukan masa untuk bertenang ketika menghadapi tamparan ini.

Peranan saya adalah membekalkan sumber dan bantuan, ini pun proses yang saya telah banyak kali mengalaminya menurut masa, cara serta orang yang berlainan.

Namun pada suatu hari, saya mendapati peranan saya telah bertukar. Saya dimaklumkan bahawa saya yang kehilangan pekerjaan.

PERTUKARAN PERANAN

Apabila saya berjumpa dengan orang yang kehilangan pekerjaan, saya selalu berkata, “Tiada pekerjaan boleh dijawat seumur hidup.” Setelah berjumpa dengan beratus-ratus orang yang tidak pernah menyangka bahawa mereka akan kehilangan pekerjaan, saya menyedari bahawa saya adalah naif

untuk berfikir bahawa perkara seperti ini tidak akan menimpa saya.

Selepas organisasi saya mengalami beberapa perubahan besar, saya mula mendapati organisasi itu berada dalam krisis. Dalam satu perbualan dengan beberapa kenalan, pertama kali saya mendengar berita bahawa saya mungkin akan kehilangan pekerjaan. Kenalan saya menerima berita ini daripada sumber yang boleh dipercayai. Pada saat itu saya berasa terluka kerana berita ini diberitahu oleh pihak ketiga.

Saya selalu mempercayai majikan saya dan hubungan kita. Saya selalu menganggap bahawa jika saya kehilangan pekerjaan ini, bos saya, iaitu kawan saya, akan duduk bersama saya dan berkata, “Chuck, kepimpinan organisasi ini sedang berubah dan kami mendapati kamu tidak lagi sesuai dalam jawatan ini. Jadi, kami harus

memberhentikan pekerjaan kamu.”

Saya sudah membuat persediaan bagi berita seperti ini. Namun saya belum bersedia untuk memikirkan respons saya apabila menerima berita ini.

Satu perjumpaan telah diadakan oleh seseorang di organisasi kami untuk berbincang tentang kebocoran paip yang berlaku di kompleks pejabat kami. Orang ini ialah kawan saya dan salah seorang ahli dalam pasukan eksekutif. Setelah kami berdua sahaja dalam bilik itu, dia menyampaikan berita yang mengejutkan bahawa saya harus diberhentikan kerja. Dia ialah “utusan” yang dihantar oleh ketua pegawai eksekutif yang telah mengupah saya. Saya sama sekali tidak bersedia untuk menerima berita ini. Saya seakan-akan diserang hendap.

Sudah tentunya, sebagai seorang kaunselor dan penasihat yang

berpengalaman, saya tahu apa reaksi yang saya patut ada. Saya tahu saya harus mendengar dengan tenang, tidak berdebat atau membantah. Saya tahu saya tidak dapat mengubah keputusan organisasi, jadi apa-apa perbincangan tidak akan membawa sebarang perubahan.

Maka, saya mendengar dan cuba memahami. Saya jarang berkata, selepas itu saya ditinggalkan keseorangan di bilik itu.

Perasaan kesakitan dan kesedihan semakin memenuhi hati saya. Saya berasa dikhianati dan menangis untuk beberapa minit. Saya berasa kaku, cuba memproses dalam minda apa yang telah berlaku.

Kira-kira selepas setengah jam, barulah saya menelefon isteri saya. Masa itu pukul 6 petang, saya berkata, “Saya sekarang pulang rumah, dan saya baru diberhentikan kerja.” Apabila saya tiba di

rumah, isteri saya menyambut saya di pintu. Kami berdua memeluk dan menangis bersama-sama, mula menerima kesakitan ini.

Saya berasa sedih, bingung, kecewa dan terluka. Isteri saya dapat bertimbang rasa dan memberi bantuan dan sokongannya, dan kami mengharungi perjalanan ini bersama-sama. Apabila salah seorang kami menjadi kecewa, seorang lagi akan memberikan pendapat yang lebih positif untuk menyeimbangkan perasaan.

Kehilangan pekerjaan adalah salah satu kehilangan yang amat penting dalam kehidupan seseorang (selain kematian dan perceraian). Jadi ini adalah normal untuk berasa sedih. Saya tahu kebenaran ini. Namun sekarang saya sendiri harus mengalaminya.

Saya memberitahu hal ini kepada pastor saya, dan dia membantu saya melihat keadaan saya dengan lebih

Kehilangan pekerjaan adalah salah satu kehilangan yang amat penting dalam kehidupan seseorang (selain kematian dan perceraian).

jelas. Saya dapat menangis lagi, mengatakan perasaan saya, dan meluahkan semua emosi. Kata-kata pastor telah memberi saya keyakinan dan nasihat yang saya perlu dengar. Dia memberi saya nasihat yang bijak bagi beberapa cabaran yang saya akan hadapi ketika meneruskan hidup. Kemudian dia berdoa bersama dengan saya.

Saya juga bercakap dengan seorang kawan rapat yang juga seorang ahli psikologi. Dia membantu saya membentuk perspektif saya. Sekali lagi, saya

membenarkan diri menangis dan meluahkan kesakitan hati dan kekecewaan. Semua ini adalah sebahagian proses pemulihan yang saya harus lalui supaya hidup saya boleh bergerak maju. Ini amat susah untuk mempunyai permulaan yang baru tanpa menangani cabaran yang dihadapi sekarang dengan baik.

Saya selalu menasihati orang yang kehilangan pekerjaan supaya tidak mengasingkan diri daripada orang lain atau berpura-pura bahawa semuanya baik-baik sahaja. Sudah tiba masanya kita bersikap jujur dan terbuka kepada orang yang paling rapat. Asalkan anda tidak menyembunyikan kesedihan atau kelemahan anda, serta mendengar kata-kata mereka, orang kesayangan anda boleh memberi anda banyak bantuan.

Mujurnya, bekas majikan saya telah membekalkan gaji pemberhentian kerja. Ini memberi saya cukup masa

untuk mencari pekerjaan baru.

Jadi saya mencari dan berjumpa ramai orang. Sudah tentunya saya tidak berkongsi situasi saya seperti apa yang saya berkongsi dengan isteri, kawan atau pastor. Namun saya masih bercakap dengan mereka untuk memperluas perspektif saya, membuat kenalan baru, serta berhubung dengan komuniti secara aktif.

Sepanjang beberapa minggu dan bulan pertama selepas menganggur, saya mula mendengar perkongsian orang lain dengan lebih bersungguh-sungguh. “Radar” saya kini boleh menerima lebih banyak maklumat daripada orang lain, kerana saya *perlu* mendengar apa yang mahu dikatakan mereka.

Inilah pertumbuhan yang saya tidak sangka! Apabila saya mengingat kembali kejadian ini, *saya mendapatkan peluang yang sungguh baik untuk menilai semula harga diri saya*. Saya membaca buku.

Saya bersenam. Saya melibatkan diri dalam kerja sukarelawan. Saya bekerja dengan kaunselor. Saya melakukan banyak perkara yang membenarkan saya membentuk semula keutamaan hidup baru, mengkaji pilihan kerjaya yang lain, dan membuat perubahan supaya saya boleh bergerak maju.

Aspek kerohanian dalam perjalanan saya ini juga sangat penting. Seperti yang kita tahu, apabila kita melalui suatu krisis, kita akan mula melihat perkara-perkara melalui beberapa perspektif yang berbeza. Ini sangat benar dalam beberapa ayat Alkitab yang saya ketahui dan biasa membaca. Kini ayat-ayat itu mempunyai pengaruh yang berbeza terhadap saya. Semuanya menjadi lebih relevan dengan apa yang saya lalui sekarang. Firman Tuhan berbicara secara langsung kepada saya melalui cara yang saya tidak pernah alami.

Pertumbuhan saya disertakan kesakitan, namun pengangguran saya menjadi pengalaman belajar yang sebenar untuk menguatkan iman saya.

Pertumbuhan anda bermula dengan respons ketika anda menerima berita tentang kehilangan pekerjaan. Reaksi ini ada beberapa elemen yang berbeza.

APAKAH RESPONS ANDA?

Manusia adalah makhluk yang kompleks dan mempunyai banyak lapisan. Apabila kita merenungkan respons manusia terhadap pengangguran, setiap lapisan harus dibincangkan.

RESPONS SECARA EMOSI

Respons setiap orang mungkin adalah berbeza terhadap pengangguran, namun masih ada persamaan.

Biasanya kebanyakan orang akan melalui proses yang dikenali sebagai Kitaran Kesedihan Kübler-Ross, yang mengungkapkan kesakitan emosi ditangani secara berperingkat. Kadangkala seseorang akan mula berasa terkejut dan menolak untuk menerima hakikat ini, kemudian dia akan berasa marah dan memendam perasaan ini, lalu dia mungkin akan menjadi murung, cuba beberapa penyelesaian, dan akhirnya menerima apa yang telah terjadi. Setiap peringkat harus ditangani dengan baik sebelum langkah seterusnya yang penting diambil. Kita tidak patut berasa hairan jika ada orang kembali kepada peringkat pertama tanpa dijangka selepas beberapa minggu atau bulan.

Pada permulaan, kebanyakan orang berasa sangat bimbang. Ini kerana mereka harus berhadapan dengan beberapa perbelanjaan yang segera seperti bayaran

pinjaman rumah dan keperluan-keperluan lain. Ada orang harus menanggung pembiayaan pendidikan anak mereka di universiti. Bagi ahli keluarga yang memerlukan penjagaan kesihatan khas, mereka bukan sahaja kehilangan gaji bulanan, tetapi juga bantuan perubatan dan kesihatan. Beban ini menjadi sungguh berat untuk dipikul. Sebenarnya tekanan dan kebimbangan juga akan bertambah kerana ada majikan tidak menyediakan pakej pemberhentian pekerja yang asas.

Oleh sebab beban ini, kebanyakan orang bergelut dengan soalan-soalan asas seperti berikut:

- Apakah yang harus saya buat sekarang?
- Bagaimanakah saya boleh membayar semua bil?
- Bagaimanakah saya menyara hidup sekeluarga saya?
- Adakah saya dapat mencari pekerjaan lagi

dalam keadaan ekonomi sekarang?

- Bagaimanakah saya mencari pekerjaan yang lain?
- Berapakah lama lagi baru saya dapat mencari pekerjaan?
- Bolehkah saya mendapatkan gaji yang sama dalam pekerjaan baru?
- Di manakah Tuhan dalam pergelutan saya?

Dari mula lagi, yang penting adalah anda faham bahawa anda bagaikan sedang duduk dalam *roller-coaster* dari segi emosi. Dalam gangguan hidup yang begitu dahsyat, anda akan merasai jatuh bangun yang besar. Jika anda fikir anda tidak akan berasa demikian, anda adalah naif.

Perasaan kekecewaan dan penolakan akan bercampur baur dengan harapan, kemungkinan lain dan cita-cita. Pergolakan emosi ini akan berterusan ketika anda menghadapi

tekanan setiap hari sementara mencari pekerjaan baru. Ini amat mencabar untuk terus membuat kemajuan dalam usaha pencarian kerja. Setiap kali apabila anda mencapai ke peringkat temu duga, anda juga harus menghadapi realiti bahawa anda mungkin bukan calon yang terpilih untuk pekerjaan itu. Kemudian anda harus membuat persediaan itu semula lagi.

Bagaimanakah anda memandang diri anda ketika kehilangan pekerjaan?

Pasaran pekerjaan hari ini adalah amat berbeza daripada pasaran beberapa tahun sebelum ini. Dahulunya ada banyak mitos atau salah faham tentang orang yang menganggur. Mereka dianggap telah melakukan kesalahan. Akibatnya, mereka tidak dapat terus bekerja.

Pada hari ini, tiada lagi mitos-mitos ini. Sesiapa pun boleh kehilangan pekerjaan. Bila-bila ada perubahan

dari segi kepimpinan, penggabungan, pemerolehan, atau kemerosotan dalam perniagaan atau sesebuah organisasi, pekerja yang akan menjadi korban.

Pertukaran atau kehilangan pekerjaan bukan lagi sesuatu yang memalukan pada hari ini. Ramai orang yang berbakat memiliki pekerjaan yang baik pada suatu ketika, namun kini mereka kehilangannya. Sedihnya, keadaan seperti ini mungkin akan berkekalan untuk beberapa waktu.

Gerry Crispin dari Careerxroads, sebuah firma perunding di New Jersey berkata, "Adakah anda tidak diperlukan lagi di pasaran [pekerjaan] secara 100%? Tidak, kecuali anda meninggal dunia atau bersara."

Dalam ekonomi pada hari ini, pengangguran akan berterusan. Semua orang pasti ada seorang kenalan yang tiada pekerjaan atau tidak dapat bekerja sepenuh

masa. Oleh itu, semua orang harus ada rancangan sokongan. Saya ingin ulang, tiada pekerjaan boleh dijawab seumur hidup. Jadi setiap orang harus ada resume yang terkini, disertakan senarai orang hubungan yang aktif, dan strategi "Pelan B."

Hakikatnya banyak organisasi sedang berusaha sedaya upaya di dunia yang serba cepat, penuh dengan ketidakpastian dan persaingan. Namun jika mereka tidak membuat perubahan yang sesuai pada semasa ke semasa, mereka tidak dapat bersaing dan berdaya maju. Akhirnya para pekerja yang selalu dikorbankan. "Jika anda tidak berubah, anda sedang menuju kematian!" ialah "mantera" bagi komuniti perniagaan hari ini.

RESPONS SECARA HUBUNGAN

Selain pergelutan dari segi emosi, hubungan anda

dengan kenalan anda juga akan terpengaruh akibat kehilangan pekerjaan. Berikutlah beberapa soalan yang harus dipertimbangkan untuk menguruskan isu-isu hubungan.

Apakah yang harus anda beritahu ahli keluarga anda? Salah satu kebimbangan utama (dan secara langsung) adalah bagaimana menyampaikan berita ini kepada orang yang paling penting bagi mereka—pasangan suami atau isteri, ahli-ahli keluarga dan kawan yang rapat. Ingatlah cara yang anda beritahu mereka akan menentukan respons mereka.

Contohnya, jika anda berkongsi berita ini dengan emosi atau kemarahan, menggunakan bahasa yang dramatik, anda akan mempengaruhi respons mereka secara langsung. Jadi pentingnya anda mempertimbangkan kata-kata, nada dan emosi anda sebelum berkongsi berita ini.

Ketika memberitahu mereka tentang berita yang menyakitkan dan sedih ini, yang penting adalah anda harus bersikap jujur dan objektif. Cara ini mungkin membantu jika anda menelefon ahli keluarga anda terlebih dahulu sebelum anda meninggalkan tempat kerja dengan berkata, “Aku baru menerima berita buruk. Syarikat aku sedang menuju peralihan dan aku tidak lagi diperlukan. Aku akan menceritakan lebih lanjut apabila aku pulang nanti.” Panggilan telefon tersebut hanya memberikan informasi. Perbualan itu tidak mencetuskan siri reaksi emosi.

Apabila saya kehilangan pekerjaan, saya menunggu selama 20 minit sebelum saya menelefon isteri saya. Panggilan telefon ini susah dibuat, tetapi anda harus melalui kesusahan ini secara peringkat bersama dengan orang kesayangan. Anda juga harus memberitahu mereka

bahawa anda adalah okey, walaupun anda masih berasa sakit hati.

Kadangkala adalah baik kita tidak menyampaikan berita ini kepada seluruh keluarga pada masa yang sama. Pertimbangkan masa untuk memberitahu suami atau isteri anda secara sendirian, supaya anda berdua boleh berbincang dan bergandingan tangan untuk memulakan perjalanan yang sukar ini.

Mula-mula apabila anda berkongsi berita buruk ini, ceritakanlah dengan sikap yang tenang dan segalanya dapat dikawal, bukannya panik. Contohnya, “Semuanya akan okey kerana Tuhan menyertai kita. Marilah anggap ini satu peluang untuk memulakan fasal hidup yang baru. Mungkin perkara-perkara yang baik sedang menantikan kita?”

Sekiranya anda dan suami atau isteri anda bersetuju dengan respons tersebut, maka

anda boleh memberitahu anak-anak anda (jika mereka masih tinggal bersama). Anda hanya perlu berkata, “Aku tidak lagi bekerja di Syarikat XYZ lagi. Syarikat itu akan mengubah operasi dan tidak lagi memerlukan aku. Jadi aku akan pergi mencari peluang lain dalam pekerjaan baru.” Yakinkan mereka anda adalah okey. Ingatlah, jika anda menyampaikannya dengan emosi yang keterlaluan, anda mungkin akan menimbulkan kesedihan yang tidak sepatutnya dan lebih banyak isu akan muncul nanti.

Kerjaya mengandungi banyak fasa dan langkah—kadang-kala mempunyai beberapa perhentian. Satu pekerjaan hanyalah satu langkah dalam satu kerjaya. Dalam pasaran pekerjaan hari ini, lelaki atau perempuan yang bekerja di syarikat yang sama untuk lebih daripada 25 tahun ke atas semakin berkurangan.

Sebenarnya, kaum muda

pada hari ini memulakan kerjaya mereka dengan anggapan bahawa mereka akan mempunyai 10 hingga 15 pekerjaan sepanjang hidup mereka. Ini dianggap normal, dan pola fikir baru ini adalah sebahagian trend yang dikenali sebagai “pengurusan kerjaya.”

Namun, apabila perubahan-perubahan yang drastik dalam pekerjaan menimpa kita, kejutan yang disusuli oleh kehilangan pekerjaan menjadi beban yang sungguh berat.

Apakah respons anda kepada orang apabila anda menjadi penganggur? Pertama, berhati-hati dengan orang yang anda berkongsi. Jika anda ingin melepaskan perasaan, lakukanlah di depan seseorang yang anda sangat percayai. Yang pentingnya adalah elak daripada menunjukkan kelukaan dan kekecewaan kepada orang yang anda

tidak rapat. Ingatlah mungkin anda akan mendapatkan pekerjaan baru tidak lama lagi. Jadi jangan berasa kecewa dahulu.

Mungkin anda akan mendapatkan pekerjaan baru tidak lama lagi.

Anda mungkin pernah mendengar komen seperti, “Sudahkah anda mendapatkan kerja?” atau “Saya ingat anda pasti sudah mendapatkan pekerjaan baru sekarang.” Anda sudah berasa sakit hati, namun masih ada orang yang memberikan komen yang tidak bertimbang rasa, malah dengan sikap yang mengejek. Sungguh sakit hati.

Secara jujur, kadangkala ada orang tidak menyedari (atau mempedulikan) kelukaan yang disebabkan oleh komen mereka. Jadi

nasihat saya adalah, anda boleh memberi respons daripada perspektif yang berbeza, atau anda tidak memberi respons sama sekali.

Dalam kes-kes lain, ada orang mungkin betul-betul ingin memberi galakan, namun mereka mungkin telah memberi komen yang menyakiti hati secara tidak sengaja seperti, “O, syarikat itu pasti tidak akan berjaya tanpa anda. Anda patut bersyukur kerana anda sudah meninggalkan syarikat itu.” Apa pun motif di sebalik komen tersebut, ini masih menyakiti hati. Namun sekali lagi, penyelesaian terbaik adalah tidak meragui motif mereka dan cuba meneruskan hidup anda.

Dalam apa pun keadaan, kehilangan pekerjaan ialah pengalaman yang sengsara—ini bukan sahaja melibatkan keadaan emosi dan hubungan kita, malahan juga merupakan permulaan dalam perjalanan rohani seseorang.

RESPONS SECARA ROHANI

Apabila menghadapi cabaran kehilangan pekerjaan, ramai orang tertanya-tanya tentang penglibatan Tuhan. Mereka tertanya-tanya jika Tuhan mempedulikan, mahupun Dia yang menimbulkan krisis ini. Kesemua ini telah membuat mereka mempersoalkan Tuhan dan diri mereka sendiri. Apabila saya kehilangan pekerjaan, saya harus menanyakan diri saya soalan-soalan seperti berikut:

“Dalam keadaan ini, apakah yang saya harapkan daripada Tuhan?”

Ketika saya menerima Yesus Kristus sebagai Penyelamat saya pada awal umur 20-an, saya telah mempelajari cara yang berbeza untuk menghadapi masalah saya.

Dari segi krisis saya, iman dan pandangan saya mengalami perubahan. Saya kini boleh bertanya soalan ini, “Apakah yang saya harapkan

daripada Tuhan?”

Iman saya adalah seperti seorang kanak-kanak, jadi saya betul-betul percaya Tuhan akan menjaga saya. Sama ada berlakunya kehilangan pekerjaan, kematian ahli keluarga, atau penyakit yang hampir menewaskan saya, saya tetap percaya tangan Tuhan selalu menopang saya. Iman ini mengekalkan keseimbangan saya dan memampukan saya mempercayai Tuhan tanpa terus-menerus mempersoalkan Dia, kerana Dia mengizinkan perkara-perkara ini berlaku dalam hidup saya.

Sedihnya, saya pernah menyaksikan orang yang telah melalui krisis masih mempersoalkan Tuhan walaupun selepas beberapa bulan atau tahun kemudian. Mereka masih berasa kecewa, tanpa membuat apa-apa kemajuan dalam kehidupan.

Namun Tuhan tidak selalu menjawab soalan “mengapa” kita—dan Dia

tidak perlu menjawab pun. Dia telah mendedahkan diri dalam banyak cara yang berbeza, namun Dia tetap Tuhan. Saya pula tidak akan memahami Dia atau jalannya sepenuhnya. Namun saya

***Saya tidak membenarkan diri saya tenggelam dalam soalan “mengapa.”
Sebaliknya saya cuba berkata,
“Apakah pelajaran saya daripada kejadian ini?”***

percaya, sama ada dalam hidup atau kematian, Dia akan menjaga saya.

Saya tahu dalam kehidupan kadangkala orang akan menginjak-injak saya, bahkan saya akan dibuli dan dikecewakan dari semasa ke

semasa. Namun saya tidak membenarkan saya sendiri tenggelam dalam soalan “mengapa.” Sebaliknya saya cuba berkata, “Apakah yang boleh saya pelajari daripada kejadian ini?”

Melalui pergelutan hidup, saya berharap iman saya dapat dikuatkan dan saya boleh bergerak maju dengan perspektif yang berubah dan iman yang diperdalam.

“Dalam keadaan ini, apakah jangkaan saya terhadap diri sendiri?”

Tuhan telah memberkati saya dengan kebijaksanaan dan sumber yang mencukupi. Saya tahu saya harus mula mencari jalan untuk menggunakan bakat dan kemahiran yang diberikan-Nya. Saya harus memandang ke depan, bukan ke belakang.

Saya juga tahu saya bagaimana duduk di tempat penumpang dan Tuhan yang memegang stereng kereta. Sebenarnya, pengalaman ini memperbaharui

kebergantungan saya pada Tuhan. Kadangkala saya fikir saya mampu menyelesaikan segala dengan kekuatan sendiri. Namun kehilangan pekerjaan mengingatkan saya bahawa saya amat perlu bergantung pada Tuhan.

Inilah tindakan keseimbangan. Tuhan ialah pemandu hidup saya dan saya tahu Dia akan membekalkan semua keperluan saya. Namun saya juga tahu bahawa saya bertanggungjawab untuk rajin bekerja agar mencapai matlamat saya.

Bagaimanapun, akhirnya Tuhan tidak pernah menginginkan kita menyelesaikan semua isu atau setiap masalah dengan segera pada hari ini. Dia hanya menginginkan kita melakukan sebaik-baiknya dan percaya kepada Dia.

RESPONS YANG PRAKTIKAL

Pencarian pekerjaan memerlukan satu proses,

dan ini melibatkan beberapa langkah yang logik. Proses ini boleh diringkaskan kepada melihat secara dalaman pada mula-mula, kemudian melihat secara luaran, dan selepas itu bergerak ke depan.

Pengenalan secara dalaman. Inilah langkah pertama yang membantu. Anda harus memahami siapa anda dan keperibadian anda. Anda harus jujur terhadap diri sendiri, kemudian mengadakan perbincangan dengan orang yang anda percayai untuk menguji pemikiran dan tanggapan anda. Ini terutamanya berguna jika anda pernah membuat ujian pentafsiran keperibadian anda.

Seterusnya, anda juga harus membuat pemerhatian tentang siapa diri anda. Ini kerana tidak lama kemudian anda harus “menjual” diri atau memasarkan diri sebagai “produk,” jadi anda harus memahami siapa diri anda sebaik-baiknya.

Mulakan dengan bertanya dan menjawab soalan-soalan seperti berikut:

- Bagaimanakah saya menghadapi kesusahan, berita buruk dan perubahan?
- Adakah saya orang yang positif atau negatif?
- Adakah saya orang yang mudah berserah, atau seseorang yang sanggup bangkit lagi dan bergerak maju? Adakah saya sanggup menghadapi tekanan?
- Apakah keutamaan dan nilai hidup saya? Apakah prinsip saya?
- Adakah saya seorang pemimpin atau pengikut? Adakah saya seorang perancang atau pelaksana?
- Apakah sumbangan saya di tempat kerja?
- Apakah kelebihan saya? Dalam pekerjaan, apakah yang membuat saya teruja dan berpuas hati?
- Adakah saya seorang yang suka bergaul dengan

orang lain atau tidak?

Semasa bekerja, adakah orang lain membangkitkan semangat saya atau tidak? Apakah budaya kerja yang paling sesuai bagi saya?

- Apakah industri yang saya ingin bekerja? Apakah industri yang saya tidak minat?
- Adakah saya ingin bekerja bagi organisasi yang membuat untung atau yang bukan membuat untung?
- Apakah penggerak hidup saya? Wang, kedudukan atau kebahagiaan?
- Berapakah jauh yang saya sanggup memandu untuk pergi bekerja? Adakah saya mahu berpindah ke bandar lain bersama dengan keluarga saya demi pekerjaan?

Ada banyak soalan yang perlu dijawab sebelum anda cuba menuliskan resume atau menghadiri temu duga kerja. Bagaimanapun, yang pentingnya adalah anda harus

mengenali diri sendiri.

Pengenalan secara luaran. Seterusnya, mentaksirkan sokongan anda:

- Siapakah yang saya boleh percayai?
- Siapakah kawan sejati saya?
- Apakah persatuan yang saya sertai boleh membantu saya?

Orang yang tiada saudara mara tinggal dekat dengan mereka, orang yang tidak menghadiri gereja dan orang yang tinggal seorang diri adalah lebih cenderung menjadi murung. Keadaan bertambah buruk lagi apabila mereka kehilangan pekerjaan. Pembinaan dan pemeliharaan rangkaian persahabatan yang baik akan memperkaya kehidupan kita. Tindakan ini akan melindungi kita daripada hidup terencil, sehingga mengakibatkan pergelutan peribadi yang lebih mendalam.

Pastikan anda memerhatikan senarai

hubungan dalam bidang perniagaan atau profesion anda. Ini adalah berbeza daripada sistem sokongan yang tersebut. Senarai hubungan peribadi anda akan membantu dan menyokong anda mengharungi cabaran, namun hubungan perniagaan akan membina jambatan yang menuju kepada peluang-peluang baru:

- Siapakah kenalan anda yang bekerja dalam industri-industri lain, yang anda dapat menghubungi mahupun berjumpa dengan mereka?
- Adakah mereka boleh membekalkan senarai kenalan yang lain?

Dalam buku “Dapatkan Pekerjaan yang Diingini, Walaupun Anda Belum Diupah” (*Get The Job You Want, Even When No One’s Hiring*) (Wiley, 2009) penulis Ford Myers berkata, tindakan pertama yang terpenting apabila seseorang mengalami peralihan dalam pekerjaan,

adalah berhubung semula dengan kawan-kawan zaman universiti, bekas rakan sekerja, mahupun orang yang tiada pekerjaan dalam komuniti anda.”

Duduklah dan membuat senarai kawan, rakan sekerja, dan orang lain yang anda boleh berhubung. Sebuah kajian menunjukkan bahawa kebanyakan orang mendapatkan pekerjaan (70%) melalui usaha ini.

Mula mengumpulkan maklumat tentang industri-industri atau organisasi-organisasi yang sedang mengupah orang, mahupun sedang mengembangkan operasi mereka.

- Dalam industri yang anda minat, apakah trend perkembangan dalam industri itu?
- Dalam organisasi yang anda berminat, apakah sumbangan yang anda boleh berikan?

Untuk menerima maklumat tentang jawatan kosong,

pastikan anda menggunakan sumber-sumber yang tersedia sebaik-baiknya. Kajian ke atas beberapa syarikat patut dilakukan dengan melayari laman web mereka. Ini kerana biasanya jawatan kosong dalam sesebuah syarikat akan disiarkan di laman web mereka terlebih dahulu. Anda akan mendapati bahawa anda hanya perlu menekan beberapa klik di hujung jari untuk memperoleh banyak sumber.

Ini mungkin bermaksud anda harus bekerja di industri yang berbeza. Jadi dalam aspek pengenalan secara luaran, anda harus mengkaji kelayakan yang diperlukan oleh sesebuah syarikat dan kemahiran yang anda dapat tawarkan. Apakah kemahiran lain yang anda mungkin miliki agar dapat bersaing dalam pasaran pekerjaan?

Anda juga boleh melihat iklan-iklan jawatan kosong. Bagaimanapun, ingatlah bahawa hanya 17% hingga

20% jawatan yang tersedia boleh ditemukan di situ. Jika anda tidak memperluas pencarian anda, anda mungkin akan terlepas sesuatu yang penting dalam pasaran—pekerjaan yang tersembunyi.

Kira-kira 80% pekerjaan yang baik tersembunyi di pasaran. Anda harus mempunyai rangkaian hubungan dan berusaha untuk

***Jika anda
menghadiri gereja,
menyertai kumpulan
profesional, komuniti
kejrangan dan lain-
lain, maka anda ada
rangkaian hubungan.***

keluar dan bercakap dengan orang lain untuk menemukan pekerjaan-pekerjaan ini.

Anda mungkin berfikir bahawa anda tidak mempunyai orang hubungan,

namun sebenarnya anda ada. Mungkin itu rangkaian yang terhad, namun jika anda menghadiri gereja, menyertai kumpulan profesional, komuniti kejrangan dan lain-lain, maka anda ada rangkaian hubungan.

Dalam rangkaian tersebut, anda tidak perlu meminta pekerjaan daripada orang lain. Sebaliknya, anda menanyakan beberapa soalan tentang industri-industri tempatan dan apa yang sedang berlaku dalam komuniti. Anda boleh bertanya tentang trend masa kini dan apa yang orang suka akan pekerjaan dan keadaan di tempat kerja mereka. Misalnya, jika anda tahu ada seseorang di gereja yang bekerja dalam bidang perubatan dan anda minat untuk mengetahui lebih lanjut, anda mungkin boleh mencari peluang untuk bersembang dengan dia.

Cara ini boleh memberi anda maklumat yang diperlukan, atau lebih

daripada itu. Jadi, apabila anda bercakap dengan orang itu, anda bukan pergi meminta satu pekerjaan, namun anda boleh meninggalkan tanggapan yang positif. Sekiranya orang itu mendengar dan memahami apa yang anda sedang cari dan melihat nilai anda, apa pun boleh berlaku. Sebenarnya, inilah cara kebanyakan orang mendapatkan pekerjaan yang baik.

Semasa anda mengenal pasti sumber anda secara luaran, jangan lupa bahawa hubungan anda dengan Pencipta ialah sumber anda yang paling penting. Sekiranya anda tahu bahawa hidup dan keluarga anda terletak pada tangan Tuhan yang tidak pernah terlelap atau tertidur, hati anda akan dipenuhi harapan dan keyakinan yang terbesar. Sepanjang perjalanan ini, anda bukan sahaja akan mengalami saat-saat yang baik. Hubungan anda dengan

Tuhan dan penjagaan-Nya adalah perkara yang paling penting bagi anda.

Langkah-langkah ini adalah sebahagian untuk mengenal bantuan kita secara luaran, dan langkah-langkah pertama untuk bergerak maju. Inilah tempat yang anda mula memandang cermin depan kereta dan bukan cermin belakang.

Bergerak Maju. Selepas mengenal diri secara dalaman dan luaran, anda harus mula bergerak maju. Anda tidak patut masih tenggelam dalam masa lalu. Proses untuk bergerak maju melibatkan mengadakan perjumpaan dengan kenalan, mengirinkan resume, menghubungi syarikat-syarikat, dan menghadiri temu duga. Kereta anda mungkin akan menjadi pejabat baru anda.

Berikut ialah beberapa langkah yang praktikal dan penting ketika anda bergerak maju:

Menjaga Diri Sendiri. Oleh

sebab anda perlu membuat persediaan yang teliti ketika mencari pekerjaan, maka inilah masanya anda berfokus untuk menjaga diri sendiri dari segi emosi, fizikal dan rohani. Latihan fizikal terbukti sebagai salah satu cara yang penting pada masa tekanan. Berlari, berjoging, berjalan, berenang atau menyertai dalam apa-apa aktiviti yang anda boleh selalu bersenam. Jika berat badan anda berlebihan dan anda kelihatan tidak sihat, bagaimanakah seorang majikan menilai anda? Pastikan anda mengekalkan pemakanan yang sihat. Gunakan masa ini untuk membentuk anda sendiri yang baru.

Berhubung Dengan Orang Lain. Bercakap dengan satu atau dua individu yang anda percayai. Adakah pastor boleh mendengarkan anda? Adakah anda ada beberapa orang kawan yang anda boleh sering berjumpa?

Mendekati dan berkongsi

dengan orang yang paling penting dalam hidup anda. Izinkan mereka melayani anda secara rohani. Anda juga boleh minta bantuan profesional jika perlu.

Persediaan Untuk Jangka Panjang. Ingatlah, pencarian kerja melibatkan proses. Ada orang berfikir bahawa mudah untuk mendapatkan pekerjaan. Namun oleh sebab mereka tidak membuat persediaan untuk masa panjang, kemungkinan segala yang dilakukan menjadi sia-sia. Mengapakah? Ini kerana mereka tidak memikirkan proses yang terlibat.

Beberapa langkah terlibat dalam pencarian kerja. Jika anda cuba melangkaui sesetengah proses dan melangkah ke depan, dengan segera anda akan mendapati bahawa usaha anda tidak berhasil. Akhirnya, anda harus kembali ke peringkat pertama dan mula semula. Keadaan ini menonjolkan keperluan untuk membuat persediaan. Anda

mesti membuat rancangan dan mengusahakan rancangan ini.

Anda mesti membuat rancangan dan mengusahakan rancangan ini.

Bersedia Untuk Menyampaikan Diri. Saya sering memberitahu orang lain, sekiranya anda mula mencari pekerjaan, anda harus berfikir seperti seorang promoter yang sedang memasarkan suatu produk. Dalam kes ini, anda ialah produk itu. Anda harus memahami produk ini secara keseluruhan, merancang satu pelan pasaran yang lengkap, kemudian membawa produk itu (anda sendiri) ke pasaran dan mendapatkan perniagaan.

Misalnya, jika anda ingin menjual berus gigi, anda sudah tahu semua butiran tentang berus gigi itu. Ini

sebahagian proses yang mengenal produk secara dalaman, kemudian secara luaran dan mengumpulkan semua pelan pemasaran anda, mengambil langkah pertama, membawa anda sendiri ke pasaran dan mula “menjual” diri.

Bagi berus gigi, pastinya ada beberapa fungsi dan kebaikan dalam produk yang anda cuba jual. Apakah kelebihan anda yang amat berbeza dengan “berus gigi” lain yang juga bersaing untuk mendapatkan suatu pekerjaan?

Menyediakan Resume:

Satu lagi langkah utama untuk bergerak maju ialah penulisan resume peribadi. Jika anda telah melakukan penilaian yang baik tentang diri sendiri pada peringkat pengenalan diri secara dalaman, jadi anda sudah bersedia untuk menyampaikan segalanya tentang anda sendiri. Resume sepatutnya seperti gambar yang tepat dan menarik,

serta menunjukkan peringkat-peringkat hidup anda.

Penyediaan resume juga bahagian yang sangat penting dan nyata. Apabila anda berasa tidak berdaya, resume ini akan menunjukkan pencapaian anda dalam kerjaya selama ini dan meningkatkan keyakinan anda.

Ada orang berpendapat bahawa anda hanya menyenaraikan pengalaman pekerjaan dan nama bekas syarikat dalam resume. Namun ini bukan sebuah resume yang baik. Memang benar resume akan menunjukkan apa yang telah anda lakukan, potensi anda yang boleh memberi sumbangan kepada sebuah organisasi juga harus disertakan. Mengapa? Ini kerana majikan anda yang seterusnya ingin tahu maklumat ini. Apakah sumbangan yang akan anda sumbangkan kepada pekerjaan ini?

Fikirkan lagi contoh berus gigi yang saya gunakan. Anda boleh menemukan banyak pengeluar berus gigi. Mengapakah orang lain ingin membeli berus gigi anda dan bukan berus gigi orang lain?

Sekali lagi, faktor utama dalam proses ini adalah anda memahami anda sendiri dan boleh mengenal pasti bakat anda yang unik, serta menyumbang kelebihan

Resume bukan sahaja menunjukkan pengalaman pekerjaan anda dan nama bekas syarikat Potensi anda yang boleh memberi sumbangan kepada sebuah organisasi juga harus disertakan.

ini kepada organisasi lain. Selain menyebutkan nama syarikat dan jawatan lama, anda juga boleh menyebutkan penglibatan anda dalam sesetengah projek yang hasilnya telah membantu syarikat itu menjimatkan sejumlah duit. Ini menunjukkan nilai anda sebagai seorang pekerja, bukan sahaja senarai tugas yang telah anda lakukan.

Menghadiri Temu Duga.

Pada dasarnya, bergerak maju bermaksud anda harus mula menghadapi temu duga. Anda duduk di meja dan mengisi semua dokumen yang diperlukan. Sekarang anda harus keluar dan menggunakan segala yang disediakan. Inilah saatnya untuk menelefon orang, merancang temu janji, dan berjumpa mereka.

Pencarian pekerjaan melibatkan usaha sepenuh masa. Anda tidak akan mendapatkan pekerjaan, terutamanya dalam keadaan

ekonomi hari ini, dengan duduk di rumah dan mengharapkan komputer atau telefon pintar akan memaklumkan anda sesuatu.

Namun ramai orang masih berasa takut untuk mencari pekerjaan kerana mereka tidak tahu apa yang harus dilakukan. Ini bertambah sukar jika anda seorang pemalu. Bagi peramah pula, dia akan mempunyai lebih tenaga dan suka kegiatan luar, berjumpa orang dan menjalinkan hubungan. Namun jika anda seorang pemalu dan tahu anda harus “menjual” diri seperti suatu produk, saya pasti anda akan berundur. Apa pun keadaan, anda harus memaksa diri sendiri untuk keluar dan melakukan sesuatu.

Apabila anda merancang untuk menghadiri temu duga, pastikan anda sudah membuat cukup penyelidikan dan betul-betul memahami pekerjaan yang dicari. Pengetahuan itu akan membantu anda berkata

tentang sumbangan yang anda dapat berikan kepada organisasi itu.

Inilah semua bahagian yang terlibat untuk bergerak maju, dan percayalah bahawa semua masa dan usaha yang diambil sepanjang proses ini akan berbaloi. Namun, walaupun segala usaha yang diambil, tiada jaminan akan hasilnya.

Melalui pengajaran daripada iklim ekonomi hari ini, perkara-perkara yang kita pernah anggap pasti kini menjadi kurang boleh dipercayai, bahkan kita akan tertanya-tanya apa itu perkara yang pasti.

JADI, APAKAH YANG KITA BOLEH HARAPKAN?

Di tengah-tengah dunia yang tidak pasti ini, kita mungkin menginginkan pekerjaan, pendapatan, pertumbuhan profesional dan hubungan kerja yang tetap—namun semua itu hanya secara permukaan. Kepastian sejati yang kita inginkan adalah jauh lebih mendalam.

Jadi, di dunia yang tidak pasti ini, apakah yang kita boleh harapkan?

HIDUP ADALAH BERMASALAH

Ayub, seorang lelaki yang disebutkan dalam kitab yang paling kuno telah mengalami kehilangan yang sengsara secara langsung. Dia kehilangan semua anak, harta, mahupun kawan-kawannya. Kehilangan yang begitu

dahsyat ini pasti mengejutkan semua orang, tetapi Ayub tidak berasa hairan terhadap kehilangannya.

Kesaksiannya menunjukkan kenyataan yang jelas tentang hidup di dunia yang berdosa. Ayub berkata, *Manusia dilahirkan lemah dan tidak berdaya, hidup mereka singkat dan susah (Ayub 14:1).*

Pernyataan bahawa kita hanya keseorangan untuk menghadapi kejadian-kejadian yang luar biasa tidak semestinya benar. Kita harus mengalami kesukaran hidup kerana hidup ini penuh dengan masalah.

KITA TIDAK KESEORANGAN

Jika kita berasa bahawa kita keseorangan dalam kesukaran tertentu, maka kita kehilangan fokus yang paling utama dan tidak berubah—Tuhan masih berkuasa, walaupun kita mengalami kegagalan dalam hidup.

Ibrani 13:5-6 menulis: *Janganlah hidup kamu dikuasai oleh cinta akan wang. Hendaklah kamu puas hati dengan apa yang kamu miliki. Allah sudah berfirman, "Aku tidak akan membiarkan kamu; Aku tidak akan meninggalkan kamu." Oleh itu, dengan penuh keyakinan kita berkata, "Tuhan Penolongku, aku tidak akan takut. Apakah yang dapat dilakukan orang terhadap aku?"*

Apabila hidup anda menjadi sukar, tiada perkara yang lebih penting daripada mengetahui bahawa kita tidak keseorangan ketika menghadapi beban hidup. Tuhan meyertai kita.

KITA ADA SUMBER YANG MELAMPAUI KEMAMPUAN KITA

Dalam Matius 6:33, Yesus berkata kepada orang yang takut. Mereka tidak pasti cara untuk terus hidup dan

kekurangan mereka akan dipenuhi. Yesus mahu mereka memandang ke syurga apabila Dia berkata,

Sebaliknya utamakanlah Pemerintahan Allah dan lakukanlah kehendak-Nya, lalu Allah akan memberikan semua itu kepada kamu (Matius 6:33).

Mungkin tekanan yang kita rasai adalah akibat daripada mengejar matlamat yang salah. Kedamaian dengan Tuhan adalah penting kerana Tuhan sendiri dan hubungan dengan Dia adalah satu-satunya perkara yang berkekalan. Dalam Tuhan, kita mempunyai sumber abadi yang tidak boleh dimusnahkan oleh dunia ini.

IMAN KITA BOLEH BERTUMBUH DALAM KESAKITAN

Kita tidak suka akan kesakitan, sebab utamanya kita memandang kesakitan itu sesuatu yang negatif.

Bagaimanapun, hakikatnya, saat-saat pergelutan kita akan memberi kita peluang untuk bertumbuh, ini pasti tidak akan terjadi pada masa senang. Rasul Paulus menulis:

Tetapi kami yang memiliki harta rohaniah ini, seperti bekas yang dibuat daripada tanah. Dengan demikian nyatalah bahawa kekuasaan tertinggi dimiliki oleh Allah, bukan kami. Kami sering kali dianiaya, tetapi kami tidak menyerah kalah. Kadangkala kami kebingungan, tetapi tidak pernah putus harapan. Banyak orang memusuhi kami, tetapi Allah tidak pernah meninggalkan kami. Meskipun kami sering dianiaya, kami tidak binasa. Kami selalu menghadapi ancaman hukuman mati seperti yang dialami oleh Yesus, supaya kehidupan-Nya pun nyata pada tubuh kami (2 Korintus 4:7-10).

Jika anda mengenal Kristus, anda boleh yakin bahawa anda melayani Tuhan yang tidak mensia-siakan apa-apa—termasuklah kesakitan anda ketika kehilangan pekerjaan.

KESAKITAN KITA BOLEH MEMBANTU ORANG LAIN

Pergelutan kita bukan sahaja boleh menolong kita bertumbuh, tetapi juga memberi kita peluang untuk membantu orang lain. Pengalaman itu boleh membantu kita memahami orang yang menderita kehilangan pekerjaan. Oleh itu Paulus menulis:

Marilah kita bersyukur kepada Allah, Bapa Tuhan kita Yesus Kristus. Dia Bapa yang berbelas kasihan dan Dia Allah yang sentiasa menolong kita. Dia menolong kami semasa kami mengalami kesusahan, supaya dengan pertolongan yang kami terima daripada

Allah, kami pun dapat menolong semua orang yang mengalami kesusahan (2 Korintus 1:3-4).

Kita telah dilengkapi dengan baik untuk membantu orang yang sakit hati, kerana kita sendiri telah mengalami kesakitan dan kehilangan. Maka kita boleh berkongsi dorongan Tuhan kepada orang lain.

Kita telah dilengkapi dengan baik untuk membantu orang yang sakit hati, kerana kita sendiri telah mengalami kesakitan dan kehilangan.

INI BUKAN KESUDAHAN KITA

Apabila kita menghadapi krisis hidup yang serius, seperti kehilangan pekerjaan,

hari kiamat seolah-olah telah tiba, hidup kita tidak seperti dahulu, dan kita kehilangan tujuan hidup.

Bagaimanapun, mari kita yakin bahawa ini bukan kesudahan anda. Paulus menulis:

Pada pendapatku, segala penderitaan yang kita alami sekarang tidak dapat dibandingkan dengan kemuliaan yang akan ditunjukkan kepada kita (Roma 8:18).

Dalam apa pun pengalaman gelap yang kita pernah alami dalam hidup ini, pada suatu hari kelak pengalaman ini akan diterangi oleh kekekalan dan kesempurnaan Kristus yang mengasihi kita dan mengorbankan Diri-Nya untuk kita.

KASIH TUHAN YANG SEJATI

Jika kita sedang mengalami beberapa ujian hidup dan kelukaan hati, memang biasa untuk mempersoalkan

Tuhan jika Dia betul-betul mengasihi kita. Bagaimanapun, kehilangan sama sekali tidak mampu menghalang kasih-Nya kepada kita. Paulus berkata:

Aku yakin bahawa tiada sesuatu pun dapat menghalang Kristus mengasihi kita: baik kematian mahupun kehidupan, baik malaikat mahupun penguasa lain di angkasa, baik hal-hal yang berlaku sekarang mahupun pada masa yang akan datang; baik hal-hal yang di langit mahupun yang di bumi - tidak ada sesuatu pun di alam semesta yang dapat menghalang Allah mengasihi kita, seperti yang sudah ditunjukkan-Nya melalui Kristus Yesus, Tuhan kita! (Roma 8:38-39).

Kehilangan pekerjaan merupakan perkara yang meremukkan hati. Namun, tiada apa-apa di alam semesta ini dapat memisahkan kita daripada kasih Tuhan—inilah fakta yang terpenting.

HARAPAN DALAM KEGELAPAN

Dari manakah kita peroleh harapan ini? Saya percaya kita boleh mencari harapan melalui banyak perkara dalam kehidupan harian kita.

Isteri dan keluarga saya telah memberi saya harapan yang kukuh. Apabila saya melihat semua orang yang berhubungan dengan saya, saya melihat harapan dan mula bersikap optimis. Saya melihat ada orang menjalani hidup yang mendatangkan kepuasan dan gembira, walaupun mereka mungkin pernah mengalami kesukaran seperti orang lain. Namun mereka mempunyai daya pemulihan untuk meneruskan hidup mereka.

Namun harapan tidak terhad kepada kata-kata yang manis didengar dan pandangan yang optimis. Bagi saya, iman saya dalam Yesus Kristus telah menjadi harapan

saya. Dia ialah sokongan dan perlindungan saya. Saya yakin Dia mengasihi saya dan Dia lebih besar daripada segala cabaran atau kekecewaan yang saya hadapi. Saya percaya bahawa Dia berkuasa, dan Dia tidak pernah gagal.

Jika anda belum mengenal dan menerima Kristus sebagai Penyelamat anda, mungkin krisis kehilangan pekerjaan ini telah menunjukkan bahawa keupayaan kita adalah terhad. Ada isu-isu hidup yang tidak boleh ditangani oleh manusia.

Kita hidup dalam dosa, kelemahan dan keperluan, lebih-lebih kita harus kembali kepada Tuhan yang telah memberikan Anak-Nya, supaya kita boleh diampuni bagi dosa serta kesalahan kita sehingga kita menjadi salih. Malah kita boleh menjadi anggota keluarga-Nya.

Anda hanya boleh memperoleh hidup yang salih tersebut melalui Yesus, seperti diungkapkan oleh ayat yang amat dikenali ini:

Allah sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal (Yohanes 3:16).

Marilah kita percaya kepada Yesus Kristus pada hari ini—bukan kerana anda memerlukan pekerjaan, tetapi kerana anda memerlukan Dia.

***Marilah kita
percaya kepada
Yesus Kristus
pada hari ini—
bukan kerana
anda memerlukan
pekerjaan, tetapi
kerana anda
memerlukan Dia.***
